

09 MAY 2003

MLNG-KOGAS

MLNG TIGA METERAI KONTRAK RM12 BLN BEKAL LNG KE KOREA

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Malaysia LNG Tiga Sdn Bhd (MLNG Tiga) hari ini memeterai perjanjian jual beli dengan Perbadanan Gas Korea (Kogas) untuk membekalkan gas asli cecair (LNG) sehingga dua juta tonne setahun selama tujuh tahun.

Pada harga semasa, kontrak itu bernilai di sekitar AS\$3.2 bilion (RM12.16 bilion), demikian menurut Petroliam Nasional Bhd (Petronas) dalam satu kenyataan di sini.

MLNG Tiga adalah anak syarikat Petronas dengan kepentingan 60 peratus. Pemegang saham lain syarikat itu adalah Kerajaan Negeri Sarawak dengan 10 peratus, Shell Gas Holdings (Malaysia) Ltd 15 peratus, Nippon Oil LNG (Netherlands) BV 10 peratus dan Diamond Gas Netherlands BV lima peratus.

Menurut syarikat petroleum negara, penghantaran LNG kepada pengimport di Korea Selatan itu akan bermula awal bulan ini daripada loji MLNG Tiga, iaitu kemudahan pengeluaran LNG ketiga Malaysia di Kompleks LNG Petronas di Bintulu, Sarawak.

LNG tersebut akan dihantar menggunakan kapal tangki milik Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC) ke terminal-terminal penerima Kogas di Incheon, Pyeong Taek dan Tong Young di Korea Selatan.

Loji MLNG Tiga mempunyai keupayaan pengeluaran gabungan tahunan sebanyak 6.8 juta tonne.

Perjanjian dengan Kogas adalah kontrak bekalan kelima yang dimeterai oleh MLNG Tiga. Dengan kontrak ini, MLNG Tiga telah membuat komitmen untuk membekalkan kira-kira enam juta tonne LNG setahun kepada para pembeli di Korea, Jepun dan Taiwan.

Kogas, yang mempunyai pelanggan termasuk Perbadanan Kuasa Elektronik Korea dan syarikat-syarikat gas bandaraya, telah mengimport sehingga dua juta tonne LNG setahun dari Malaysia di bawah kontrak 20 tahun dengan Malaysia LNG Sdn Bhd.

LNG bagi kontrak ini dibekalkan daripada loji Malaysia LNG Dua Sdn Bhd.

Kompleks LNG Petronas di Bintulu yang dilancarkan semalam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menjadi kemudahan LNG bersepadu terbesar dunia di satu lokasi menjelang Oktober ini dengan keupayaan pengeluaran 23 juta tonne setahun. -- BERNAMA

CL FR JR